



### Pangkat Tujuh Keturunan

Dalam Bahasa Melayu

Saleh bin Hasan, Kuantan, Pahang, bertanya:

Apakah nama sebutan keturunan yang telah ditetapkan oleh orang kita Melayu? Harap dinyatakan susunannya dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas. Khabarnya masing-masing itu ada tujuh susunannya, tetapi sayang, puas saya bertanya nampaknya belum ada yang dapat menyusunnya dan memberikan namanya satu persatu.

Jawab: Soal ini sememangnya sukar tetapi menarik hati. sukar kerana sememang tidak ada susunan nama-nama keturunan – dari bawah ke atas – sebanyak tujuh lapis sepanjang-panjang yang diketahui dalam bahasa Melayu, kecuali dari atas ke bawah. Ini memang betul ada tujuh susunannya, lengkap sempurna – *bi al-tamām wa al-kamal*, seperti berikut:

- 1). Bapa (emak).
- 2). Anak.
- 3). Cucu.
- 4). Cicit.
- 5). Oneng-oneng<sup>1</sup>.
- 6). Piut-piut.
- 7). Antah-antah.

Adapun susunannya dari bawah ke atas, seperti yang kami ketahui, hanya empat sahaja (mudah-mudahan ada pembaca QALAM yang tahu sampai tujuh misalnya), dari anak sampai ke nenek moyang, iaitu: anak, bapa (emak), datuk (nenek), dan moyang – *wa Allāh a'lam bi al-ṣawāb*.

\*

\*

\*

Bacalah!

# Khālid ibn al-Walīd

Oleh

## Abdullah Basmeh

### Riwayat Hidup

### Pahlawan Islam Yang Terbilang

Senaskhah \$1.50 pos 10 sen

Pintalah kepada penerbitnya



356/8 Geylang Road, Singapura, 14.

<sup>1</sup> Tiada terdapat dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Ejaan yang rapat dan hampir iaitu 'Uning-uning' juga tidak wujud. Cuma wujud dalam *Wiktionary*.